

e-BULETIN JSKM

EDISI KHAS KEMERDEKAAN KE-67



“ Jiwa yang merdeka bukanlah bebas tanpa batasan, tetapi tunduk patuh kepada Sang Pencipta. ”

eISSN 2637-0077
9 7 7 2 6 3 7 0 0 7 0 0 4



MALAYSIA
MADANI
Jiwa Merdeka

Salam Kemerdekaan & Selamat Hari Malaysia

Isi Kandungan

- | | |
|--|----------------------------------|
| i. Kata Alu-aluan | 15 Apakah Pokok Kebangsaan Kita? |
| 01 Jiwa Merdeka | 18 Negaraku Malaysia |
| 02 Sedekad Tema Hari Kebangsaan Malaysia | 19 Tanah Airku Malaysia |
| 06 Kenali Tugu Negara Malaysia | 20 Harmony of Freedom |
| 08 Srikandi Kemerdekaan | 21 Erti Kemerdekaan |
| 11 Jejak Sejarah: Institusi Pendidikan Era British di Pulau Pinang | 22 Pantun Nazam Anak Merdeka |

Sidang Redaksi

Penasihat
Dr. Nor Hanim Abd Rahman

Ketua Editor
Dr. Siti Nurleena Abu Mansor

Ts. Jamal Othman

Editor
Pn. Siti Mariam Saad

En. Ahmad Rashidi Azudin

ERTI KEMERDEKAAN

Nukilan :
Ts. Jamal Othman

Apakah erti kemerdekaan?
 Adakah suatu kebebasan?
 Kebebasan dari penjajahan?
 Penjajahan dari British atau Japan?
 Atau suatu pelepasan?
 Pelepasan dari penderitaan?
 Mencari kebahagian?
 Menuju Kejayaan?

Yang lebih Cemerlang, Gemilang dan Terbilang?
 Bagaimana pula pemikiran kita yang masih terbelakang?

Kenapa sukar terima perubahan untuk kebaikan?
 Adakah mungkin ada kepentingan yang tersimpan?
 Atau perubahan itu suatu kerugian?
 Atau ada keuntungan ditempat persembunyian?
 Bagaimana nak capai kejayaan?
 Atau kita fikir biarlah itu kerja kerajaan?
 Ikut sahaja apa yang kerajaan rancangkan?
 Betulkah kita tak boleh campur tangan?
 Jaga tepi kain sendiri, betulkah atau betulkan?

Kalau begitu siapa pula yang dipertanggungjawabkan?
 Terlalu banyak persoalan?
 Persoalan yang tiada penyelesaian?
 Sampai bila kita nak bersikap demikian?
 Tunggu dan lihat PBB datang bagi bantuan?
 Atau kita anggap ini bukan suatu ujian?
 Jadi agak-agak bila kita nak menuju kehadapan?
 Atau kita mesyuarat, siasat dan research dulu sampai dah pecah empangan?
 Agak-agak nak tunggu sehingga berlaku permasalahan?
 Baru nak ambil Tindakan?
 Masih tiada penyesalan?
 Penyesalan atau kedegilan?
 Jadi, bagi anda apakah erti kemerdekaan?
 Fikir-fikirkan.